

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1993/94

Oktober/November 1993

HKN 404 - Seminar Dalam Kesusasteraan Nusantara II:
Aspek-Aspek Pensejarahan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI TUJUH [7] SOALAN DI DALAM DUA [2] MUKA SURAT.

Jawab EMPAT [4] soalan. DUA [2] soalan daripada setiap Bahagian A dan B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan.

1. Perkembangan kesusasteraan Melayu lama yang terbahagi kepada beberapa zaman itu memperkenalkan banyak genre-genre sastera. Di antara genre-genre tersebut, genre hikayat memperlihatkan sifat-sifat yang unik. Bincangkan.
2. 'Angkatan Penulis' dan 'Golongan Penulis' terbentuk di atas asas yang berbeza. Tunjukkan bagaimana perbezaan ini menentukan pula fungsinya di dalam sejarah kesusasteraan Melayu baru.
3. Bincangkan masalah-masalah di dalam pensejarahan kesusasteraan Melayu. Dengan huraian yang terperinci jelaskan masalah-masalah dokumentasi dan filologi.
4. Pada umumnya penulisan sejarah sastera membahagikan zaman-zaman berdasarkan ukuran yang bukan-sastera. Dengan contoh-contoh daripada sastera Melayu jelaskan justifikasi bagi mengambil ukuran-ukuran tadi. Bincangkan apakah mungkin untuk melakukan periodisasi yang berdasarkan ukuran sastera semata-mata.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

5. Dengan hujah-hujah yang jelas, kemukakan beberapa pendapat mengenai permulaan atau lahirnya sastera Indonesia moden. Dan jelaskan bagaimana kedudukan sastera Melayu lama dan Nusantara yang lain di dalam pensejarahan sastera Indonesia.

6. Sejak dekad 1930-an sastera Indonesia mengenal beberapa angkatan seperti Pujangga Baru, Angkatan Gelanggang atau 45, Angkatan 50 atau terbaru, Angkatan 66, Generasi Kesah, Generasi Horison dan lain-lain. Berdasarkan sumbangan atau buah fikiran tokoh-tokoh angkatan ini, bincangkan kewajaran penamaan dua [2] daripada generasi-generasi tersebut.

7. Di dalam masalah dan hal apa sahaja di antara pengarang-pengarang Lekra dan Manifes Kebudayaan berlawanan pandangan dan ide. Bagaimana impak polemik tersebut pada kehidupan sastera?

8. Berdasarkan sumbangan tokoh-tokoh tertentu di dalam arena sastera tahun-tahun 70-an bincangkan kewajaran penamaan mereka sebagai generasi 70. Huraikan ciri-ciri dan kecenderungan pemikiran estetik angkatan ini.